

MEMORANDUM
MENYERU MALAYSIA MENUNJUKKAN
KEPIMPINAN DAN CITA-CITA TINGGI DALAM
PERUNDINGAN PERJANJIAN PLASTIK (INC5.2)

KEPADA:

Perdana Menteri Malaysia:

YAB DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM

Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam:

YB DATUK SERI JOHARI BIN ABDUL GHANI

Menteri Luar Negeri:

YB DATO' SERI UTAMA HAJI MOHAMAD BIN HAJI HASAN

Menteri Kesihatan:

YB DATUK SERI DR. HAJI DZULKEFLY BIN AHMAD

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan:

YB TUAN NGA KOR MING

Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri:

YB SENATOR TENGKU DATUK SERI UTAMA ZAFRUL BIN TENGKU ABDUL AZIZ

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan:

YB DATUK SERI HAJI MOHAMAD BIN SABU

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat:

YB DATO' SRI HAJAH NANCY BINTI SHUKRI

Menteri Belia dan Sukan:

YB PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN

Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya:

YB DATO SRI TIONG KING SING

Timbalan Menteri of Ekonomi:

YB DATO HAJJAH HANIFAH HAJAR TAIB

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup:

YB DATUK ARMIZAN BIN MOHD ALI

Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi:

YB DATUK EWON BENEDICK

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi:

YB TUAN CHANG LIH KANG

Dihantar pada 14 Julai 2025 oleh 100 organisasi.

Dihantar oleh:

Persatuan Pengguna Pulau Pinang (Consumers' Association of Penang, CAP);
Persatuan Perlindungan Alam Sekitar Malaysia
(Environmental Protection Society Malaysia, EPSM);
Pertubuhan Sisa Sifar Malaysia (Zero Waste Malaysia, ZWM);
Pertubuhan Sisa Sifar Sabah (Zero Waste Sabah, ZWS);
Pusat Membanteras Rasuah dan Kronisme
(Center to Combat Corruption and Cronyism, C4 Center); dan
Sahabat Alam Malaysia (SAM)

Disokong oleh 100 organisasi dari seluruh Malaysia.

- ISI KANDUNGAN -

TUNTUTAN KAMI - 3

A. PENGENALAN - 4

B. KESAN PENCEMARAN PLASTIK - 4

Plastik memburukkan perubahan iklim
Pengeluaran plastik menimbulkan risiko ekonomi
Pengeluaran plastik menimbulkan risiko kesihatan dan pekerjaan
Penggunaan plastik dan bahaya mikroplastik
Plastik dan bahan kimia yang membimbangkan

C. KEPIMPINAN MALAYSIA DI INC5.2 DI GENEVA - 7

D. PENUTUP - 8

E. SENARAI PENYOKONG MEMORANDUM INI - 14



Sisa plastik di lautan Langkawi, Kedah, dan pantai Pulau Mabul, Sabah

TUNTUTAN KAMI

Kami, pertubuhan-pertubuhan di Malaysia yang menyokong Memorandum ini, menyeru Perdana Menteri dan Jemaah Menteri untuk membimbing Malaysia dan memimpin negara-negara Asia Tenggara, sebagai Pengerusi ASEAN, untuk merundingkan Perjanjian Plastik Global (“Perjanjian”) yang bercita-cita tinggi di [INC5.2](#). Perjanjian itu mesti mengandungi:

1. Suatu Artikel yang menumpu kepada **perlindungan kesihatan manusia daripada bahaya pengeluaran, penggunaan dan pelupusan plastik**, untuk mengukuhkan penyelidikan dan pemantauan kesan mikroplastik dan bahan kimia plastik terhadap kesihatan manusia, ke arah pemulihan dan pampasan bagi semua yang terjejas oleh pencemaran plastik, termasuk pekerja sepanjang kitaran hidup plastik, terutamanya masyarakat pemungut sampah dan orang asal di Selatan Global, melalui peralihan yang adil ([Chair’s Text, Art. 19](#): Health, Option 2; [Art. 10](#): Just Transition).
2. **Kawalan global yang mengikat secara sah**, bukannya langkah sukarela atau nasional yang tidak berkesan dalam menangani sifat pencemaran plastik yang merentas sempadan. Ini merangkumi sasaran global untuk mengurangkan pengeluaran dan penggunaan **polimer plastik primer** ([Chair’s Text, Art. 6](#): Supply); senarai global **bahan kimia berbahaya berkaitan plastik** yang mesti dihapuskan; kriteria global untuk mengenal pasti **produk plastik** yang tidak penting, tidak perlu, dan bermasalah, serta senarai global produk yang mesti dihapuskan secara berperingkat ([Chair’s Text, Art. 3](#): Plastic Products).
3. Langkah-langkah untuk **menambah baik reka bentuk produk plastik** yang mengurangkan sisa plastik melalui kebolegunaan semula dan kebolehbaikan, dengan keperluan **pelaporan, ketelusan, kebolehesanan dan pendedahan maklumat yang selaras** mengenai pengeluaran dan sisa plastik (termasuk bahan kimia yang berkaitan), untuk memastikan kumpulan bahan kimia berbahaya dikenal pasti dan digantikan secara progresif dengan alternatif yang lebih selamat ([Chair’s Text, Art. 5](#): Plastic Product Design).
4. Langkah-langkah untuk **menamatkan pencemaran plastik dengan mengawal selia pengeluaran** bahan kimia berkaitan plastik (melalui daftar pelepasan dan pemindahan bahan pencemar) serta mengawal kebocoran dan pelepasan plastik, termasuk mikroplastik, pelet plastik dan peralatan menangkap ikan, melalui perundangan baharu ([Chair’s Text, Art. 7](#): Releases and Leakages).
5. **Langkah-langkah pencegahan sisa**, seperti infrastruktur **guna semula dan isi semula** yang menekankan peredaran pembungkusan boleh guna semula yang standard dan

selamat; mekanisme **tanggungjawab pengeluar lanjutan** mandatori yang mengutamakan reka bentuk produk, pengurangan sisa, dan logistik balikan untuk pengumpulan sisa dan kitar semula yang selamat, dimaklumkan oleh penilaian kitaran hayat yang komprehensif untuk memastikan manfaat alam sekitar boleh disahkan; dan **persetujuan maklum awal (*prior informed consent*)** dan ketelusan data untuk **semua pengeksportan sisa plastik**; sambil menolak teknologi atau pengganti yang memberi kesan negatif kepada kesihatan manusia dan alam sekitar, dan tidak menangani lebihan pengeluaran plastik, termasuk kitar semula kimia, pembakaran, bahan api yang berasal dari sisa (*refused-derived fuel*), dan pengganti plastik yang dikesali seperti plastik berasaskan bio, terbiodegradasi dan kompos yang didapati mengandungi [bahan kimia toksik](#) dan [logam berat](#) (*Chair's Text, Art. 8: Plastic Waste Management*).

A. PENGENALAN

Krisis plastik berkembang pesat, dan rantau kita, Asia Tenggara, adalah antara yang [paling terjejas](#) oleh pencemaran plastik dan kesan berbahayanya terhadap kesihatan, biodiversiti, mata pencarian, iklim dan hak asasi manusia. Rantau kita juga merupakan pengimport utama sisa plastik dari negara maju. Malaysia telah mengambil tindakan yang baik dalam menguatkuasakan peraturan yang lebih ketat mengenai jenis sisa plastik yang boleh diimport dan membanteras pengedaran sisa elektronik secara haram. Kami menggesa Malaysia menunjukkan kepimpinan dalam aspek lain dalam menangani sisa plastik.

B. KESAN PENCEMARAN PLASTIK

1. Plastik memburukkan perubahan iklim

- [Plastik sekali guna](#) menyumbang sehingga 50% daripada jumlah pengeluaran plastik. Walaupun kadar kitar semula dijangka meningkat daripada 9% pada 2019 kepada 17% menjelang 2060, [70% sisa plastik](#) - yang dijangka meningkat tiga kali ganda - masih akan dibakar atau ditanam di tapak pelupusan sampah.
- Industri plastik adalah sumber gas rumah hijau perindustrian yang berkembang paling pesat di dunia, dengan pengeluaran, penggunaan dan pelupusan plastik dijangka menyumbang sehingga [10-13% daripada keseluruhan baki bajet karbon](#) menjelang 2050. Model ekonomi pengekstrakan-pengeluaran-pelupusan linear kini dan pengeluaran plastik yang tidak terkawal tidak serasi dengan matlamat untuk kekal di bawah ambang 1.5 darjah Celsius dan sempadan planet yang selamat.

2. Pengeluaran plastik menimbulkan risiko ekonomi

- Walaupun Malaysia, seperti kebanyakan negara membangun, mendekati perundingan Perjanjian dengan kebimbangan tentang kesan ke atas pertumbuhan

ekonomi dan perdagangan, adalah penting untuk mengkaji secara kritikal peranan plastik dalam pembangunan, serta harga yang kita bayar untuk kemudahan plastik.

- Hak kepada pembangunan sering disebut untuk mewajarkan pengembangan petrokimia yang berterusan. Walau bagaimanapun, Deklarasi Hak kepada Pembangunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) menyediakan rangka kerja yang luas yang menekankan kemajuan masyarakat yang komprehensif dan pengagihan manfaat yang adil. Ia tidak boleh digunakan untuk mewajarkan amalan yang merosakkan alam sekitar dan ketidaksamaan sosial.
- Kemudahan petrokimia di Asia Tenggara sedang berkembang, bergantung pada [jangkaan pertumbuhan pengeluaran plastik](#). Walau bagaimanapun, banyak penapisan petrokimia di seluruh dunia mempunyai kapasiti terbiar, dengan kebanyakannya di bawah 75 peratus kapasiti terpasang disebabkan infrastruktur semakin tua dan persaingan yang sengit. Konglomerat perindustrian terbesar Thailand [Siam Cement Group](#) menangguhkan operasinya di kompleks petrokimia di Vietnam selepas hanya sebulan atas margin yang rendah. [Lotte Chemical Titan](#) di Malaysia ditutup untuk mengurangkan kerugian yang disebabkan lebih bekalan. Malah gergasi petrokimia [Formosa Plastics Corporation](#) di Amerika Syarikat (AS) dan [Dow](#) di Eropah juga menghadapi cabaran pasaran.
- Baru-baru ini, Malaysia terpaksa menaikkan tarif import polimer dari negara China dan Indonesia untuk [mengelakkan lambakan PET](#) pada harga rendah. Sesetengah ahli ekonomi berpendapat bahawa satu had global pengeluaran plastik, sebenarnya, akan memberi [manfaat kepada industri plastik](#) dan lebih bermakna dari segi kewangan dengan membenarkan pengeluaran plastik yang diperlukan sahaja.

3. Pengeluaran plastik menimbulkan risiko kesihatan dan pekerjaan

- Semua peringkat kitaran hayat plastik daripada pengekstrakan kepada pengeluaran, penggunaan, dan pelupusan mempunyai kesan yang teruk terhadap [hak asasi manusia](#). Seperti komuniti yang terjejas oleh sisa plastik yang tidak diurus, komuniti barisan hadapan di tapak pengekstrakan bahan mentah, loji petrokimia dan kilang pembuatan plastik juga menanggung kos kesihatan dan pencemaran alam sekitar yang tinggi, dengan kesihatan yang teruk terjejas dalam jangka masa panjang.
- [Kajian](#) di kalangan kanak-kanak yang tinggal di Kertih, Terengganu mendedahkan masalah kesihatan seperti penyakit pernafasan akibat pencemaran daripada tiga loji penapisan petrokimia utama. Kawasan persekitaran juga didapati mengandungi

tahap [logam berat](#) yang lebih tinggi. Di [Indonesia](#), lebih daripada 5% pelajar yang tinggal di sekitar kelompok industri petrokimia Cilegon mempunyai satu atau beberapa kecacatan dan perkembangan otak terbantut.

- Pengangkutan plastik juga menimbulkan risiko yang tinggi, seperti yang dilihat dalam bencana kapal X-press Pearl yang menumpahkan berbilion-bilion pelet plastik di persisiran pantai Sri Lanka, dan menyebabkan pencemaran sehingga hari ini sebab pelet plastik didapati semakin [menyerap bahan pencemar](#), serta [tumpahan vinil klorida](#) dalam bencana kereta api di AS.
- Kebakaran dan letupan di kilang plastik berleluasa di [Thailand](#), [Malaysia](#), [Indonesia](#), dan [Vietnam](#). Di samping itu, kajian baharu di Thailand menunjukkan kepekatan tinggi [bahan kimia plastik penyebab kanser](#) yang dikesan dalam darah pekerja kilang kitar semula plastik. Bahan-bahan kimia ini termasuk hidrokarbon aromatik polisiklik (PAH), ftalat, alternatif ftalat, kalis api organofosfat (OPFR), penstabil UV benzotriazole, fenol dan bisphenol (cth. BPA).

4. Penggunaan plastik dan mikroplastik

- Penggunaan plastik yang tidak terkawal dan pembungkusan plastik yang berlebihan telah menyebabkan penduduk di kawasan luar bandar yang tiada perkhidmatan pengurusan sisa terpaksa melakukan pembakaran terbuka dan pembuangan sampah di sungai, kawasan bakau dan pantai, terutamanya di pulau-pulau atau di kawasan terpencil Sabah dan Sarawak. Lama kelamaan, sisa plastik ini terdegradasi menjadi mikroplastik, yang kemudiannya memasuki rantai makanan. Saintis Malaysia telah menemui mikroplastik dalam 93.3% [Indian mackerel](#) (ikan kembung) yang dikaji dan dalam semua [kerang](#).
- Sejak 2020, [lebih 200 kajian mikroplastik](#) telah dijalankan di rantau ASEAN. Populasi Asia Tenggara mempunyai [kadar mikroplastik tertinggi](#) dalam tubuh manusia, antara 80 hingga 490 mg per kapita sehari. Pendedahan ini begitu meluas sehinggakan kajian baru-baru ini telah mengesan [mikroplastik dalam najis bayi yang baru lahir](#), yang menggariskan ancaman yang mendalam dan segera kepada kesihatan manusia sejak awal kehidupan. Mikroplastik boleh [meningkatkan risiko](#) kemudaratan pernafasan, kesihatan reproduktif dan gastrousus, dan mungkin dikaitkan dengan kanser paru-paru dan kolon.

5. Plastik dan bahan kimia yang membimbangkan

- Selain itu, plastik didapati mengandungi [16,325 bahan kimia yang diketahui](#), yang digunakan dalam semua aplikasi plastik. Lebih daripada 4,200 bahan kimia plastik

dikenal pasti sebagai bahan kimia yang membimbangkan kerana ia berterusan, bio-akumulatif, mudah alih atau toksik, manakala bahan kimia lain mempunyai data yang tidak mencukupi. Bahan kimia ini boleh dibebaskan sepanjang keseluruhan kitaran hayat plastik, daripada pengekstrakan dan pengeluaran bahan mentah kepada penggunaan dan pelupusan sisa.

- Bahan kimia yang biasa digunakan dalam plastik – sebagai pemplastik, kalis api, pewarna atau sifat tidak melekat dalam mainan kanak-kanak, pakaian, permaidani, alat memasak dan banyak lagi – boleh menyebabkan [ketidakseimbangan hormon, obesiti dan juga menjejaskan perkembangan otak](#). Bahan kimia plastik juga merupakan punca utama [kemerosotan kesuburan lelaki](#) di seluruh dunia, dengan kemerosotan yang lebih cepat di Selatan Global. Para saintis menganggarkan bahawa penyakit berkaitan plastik di A.S., seperti [penyakit kardiovaskular](#), menelan kos [USD249 bilion](#).
- Bahan kimia plastik menjejaskan peralihan kepada ekonomi kitaran dan [menghalang penyelesaian teknologi](#) kepada pencemaran plastik, termasuk penggunaan semula produk plastik atau kitar semula plastik, yang boleh menyebarkan [bahan kimia berbahaya](#). Peralihan kepada plastik yang lebih selamat memerlukan pemahaman yang lebih baik tentang bahan kimia yang terlibat – sifat, fungsi, bahaya, kelaziman dan pelepasan – yang penting untuk Perjanjian yang berkesan.
- Pada masa ini, hanya [980 bahan kimia](#) (6% daripada bahan kimia plastik yang diketahui) yang digunakan dalam plastik dikawal secara sah melalui pelbagai konvensyen seperti Konvensyen Stockholm, Basel, Minamata, Suruhanjaya Ekonomi PBB untuk Eropah (UNECE), dan Protokol Montreal. Prinsip berjaga-jaga mesti digunakan dan kumpulan bahan kimia plastik mesti dinilai berdasarkan pendekatan berasaskan bahaya (*hazard based*) di bawah Perjanjian. Sekiranya 94% bahan kimia plastik dibenarkan dikawal sendiri oleh industri di bawah Rangka Kerja Global Bahan Kimia secara sukarela, dan bukannya Perjanjian ini yang mengikat, ini merupakan tadbir urus yang lemah.

C. KEPIMPINAN MALAYSIA DI INC5.2 DI GENEVA

Kebanyakan negara yang mengambil bahagian dalam perundingan Perjanjian ingin menangani pencemaran plastik pada [setiap peringkat kitaran hayat plastik](#), termasuk menetapkan had pengeluaran plastik. Pada sesi penutup semasa INC5, Rwanda mengetuai lebih 84 negara untuk mengisytiharkan sokongan untuk Perjanjian mengikat global yang

meliputi seluruh kitaran hayat plastik. Mexico, disokong oleh 94 negara, menuntut peruntukan yang mengikat untuk menghapuskan produk plastik berbahaya dan bahan kimia yang membimbangkan.

Walau bagaimanapun, sekumpulan "[negara yang berfikiran sama](#)" (*Liked-Minded Countries, LMC*) membantah had pengeluaran dalam draf Perjanjian dan menegaskan Perjanjian ini hanya meliputi produk plastik, yang tersasar dari keperluan mendesak untuk mengawal bahan kimia toksik dalam plastik sebagai sejenis bahan atau polimer. Mereka ingin sebuah Perjanjian yang memberi tumpuan kepada pengurusan sisa dan kitar semula. Proses rundingan ini telah menunjukkan bahawa sesetengah pihak tidak bersedia untuk terlibat secara konstruktif, dengan mandat untuk menggagalkan dan menyekat kemajuan perundingan, termasuk keengganan menerima amalan dahulu yang telah lama wujud dalam perjanjian pelbagai hala.

Di INC5, Filipina dan Thailand menunjukkan cita-cita tinggi mengenai isu seperti had pengeluaran dan larangan eksport sisa plastik. Walau bagaimanapun, [Malaysia](#) sebahagian besarnya sejajar dengan negara yang paling menghalang dan tidak bercita-cita tinggi, mengenai strategi halangan prosedur, dan juga dengan kepercayaan bahawa "kitaran hayat penuh" plastik bermula dengan produk, bukan polimer. Menjadi sejajar dengan LMC menimbulkan risiko reputasi utama bagi Malaysia, dan mungkin juga menimbulkan beberapa risiko ekonomi yang serius.

Terdapat bisikan tentang [laluan perjanjian lain](#) yang mungkin diambil oleh negara-negara bercita-cita tinggi, di luar PBB, yang akan merangkumi peruntukan atau sekatan untuk aktiviti perdagangan dengan negara bukan parti. ASEAN dan Malaysia tidak boleh ketinggalan daripada proses yang mungkin terjadi ini. Daripada melindungi industri senja, Malaysia perlu berada di barisan hadapan inovasi polisi, pasaran, dan produk. Kemajuan dalam Artikel 3 (Produk Plastik), Artikel 6 (Pembekalan), dan Artikel 11 (Mekanisme Kewangan) adalah penting untuk rantau kita yang sudah sarat dengan sisa plastik pada tahap yang tidak dapat kita uruskan.

Kami menggesa Malaysia untuk memimpin dengan visi, untuk membina jambatan secara aktif antara LMC dan Gabungan Bercita-cita Tinggi (*High Ambition Coalition*). Ini akan memberi Malaysia peranan penting dalam perkembangan Perjanjian pada masa hadapan, meningkatkan kedudukan antarabangsa Malaysia, dan meletakkan negara dalam kedudukan yang lebih baik untuk merancang pembangunan mampan jangka panjang industri.

D. PENUTUP

Penggunaan plastik berleluasa kini menjejaskan kesihatan kita dan [mengancam kestabilan](#) proses-proses sistem Bumi yang utama. Pelaburan dalam pembinaan industri petrokimia

dan pengeluaran plastik menimbulkan risiko ekonomi yang tinggi. Sementara itu, kos global plastik atas masyarakat, termasuk pelepasan gas rumah hijau; pengumpulan, pengasingan, kitar semula, pelupusan sisa; kerosakan ekologi kepada persekitaran marin dan daratan, dianggarkan pada kos sekurang-kurangnya [USD3.7 trilion](#) pada 2019 (sekurang-kurangnya sepuluh kali lebih tinggi daripada harga pasaran plastik).

Pengurangan pengeluaran plastik pada sumbernya boleh [memberi manfaat dari segi ekonomi](#), dengan kos tidak bertindak ([USD13.7-281.8 trilion](#)) jauh lebih tinggi daripada kos pengurangan pengeluaran ([USD18.3-158.4 trilion](#)). Peluang ekonomi lain akan muncul, dalam reka bentuk semula produk, pembungkusan mampan, sistem guna semula dan isi semula, logistik balikan dan infrastruktur kitar semula, perkhidmatan pembaikan, skim pemulangan deposit tempatan, dan jenama gaya hidup sifar sisa yang mampan. Kebergantungan kepada plastik yang murah tetapi berbahaya telah menghalang inovasi ke arah cara penyelesaian yang lebih selamat.


Kesimpulannya, pembangunan mampan bergantung kepada populasi yang sihat dengan persekitaran yang memupuk untuk berkembang maju. Hak untuk pembangunan harus berpaksikan hak asasi manusia dan maruah, menegakkan hak kepada persekitaran yang sihat, menggalakkan pertumbuhan dan pembangunan yang saksama untuk semua, dan menangani krisis tiga planet – pencemaran, kehilangan biodiversiti, perubahan iklim. Ini boleh menjadi titik perubahan untuk melindungi generasi akan datang dan menamatkan pencemaran plastik.



Pantai awam di Johor yang penuh dengan sampah plastik



Sampah plastik di tempat pelancongan di Sabah



Sisa marin di Sabah



Penyu yang tertangkap di antara pukot ikan dan sisa marin di Kedah



Ketam bertapa dan sisa plastik di lautan Sabah



Pembungkus plastik ditemui dalam najis gajah liar di Perak



Kilang kitar semula plastik yang diabaikan di Kedah



Sisa plastik di kandang kambing di Selangor



Satu gunung mikroplastik yang sering terbakar di Selangor

E. SENARAI PENYOKONG MEMORANDUM INI

MEMORANDUM INI DISOKONG OLEH:*

1. Alliance of River Three (ART!)
2. Basel Action Network (Malaysia)
3. Blue Bee Technologies Sdn Bhd (ERTH)
4. Borneo Komrad
5. Bubbles Dive Resort & Travel Sdn Bhd
6. Bubbles Turtle Conservation Plt
7. Caritas Malaysia
8. Centre for Environment, Technology & Development, Malaysia (CETDEM)
9. ClimX
10. Community Action Nexus Bhd
11. Earth Lodge
12. Eco Lestari Strategy
13. Education and Research Association for Consumers (ERA Consumer Malaysia)
14. Forum Kedaulatan Makanan Malaysia (FKMM)
15. Fuze Ecoteer Outdoor Adventures Sdn Bhd
16. Gabungan Darurat Iklim Malaysia (GDIMY)
17. Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia (Federation of Malaysian Consumers Associations, FOMCA)
18. Geng Plastik Ija (GPI)
19. Gerimis Art
20. Global Environment Centre
21. Greater Equitable Measures (GEM)
22. Green Ideal Cottage
23. Greenpeace Malaysia
24. Hara Makers
25. Health and Safety Advisory Centre Penang (HASAC)
26. IDRIS Association
27. Impactlution Sdn Bhd
28. IpohRefill Trading
29. Jaringan Ekologi dan Iklim
30. Jaringan Kampung Orang Asli Senandung Malaysia (JKOASM)
31. Jaringan Orang Asal SeMalaysia (JOAS)
32. Justice for Wildlife Malaysia (JWM)
33. Kawan Guni
34. Kelab Belia Tinagayan Semporna
35. Khalsa Dharmic Jatha, Pulau Pinang
36. KitaRefill
37. Kolektif Iklim
38. Komuniti Pondok Sukun (KomPoS)

39. Komuniti Rukun Tetangga Pekan Kiulu
40. Langur Project Penang (LPP)
41. Lestari Setempat
42. Malaysian Agroecology Society (SRI-Mas)
43. MIM – Rice & Roses
44. Min House Camp
45. MINIMIZE Zero Waste Store
46. North Borneo Net Zero Sdn Bhd
47. Opath Group Sdn Bhd
48. Pangolin Aware
49. Penang Suya Meiyarivagam (PSM)
50. Perhentian Eco Education Project
51. Perhentian Marine Research Station
52. Perhentian Turtle Project
53. Persatuan Aktivis Sahabat Alam (KUASA)
54. Persatuan Alam dan Warisan Bukit Fraser (PAWBF)
55. Persatuan Alam Sekitar Selangor
56. Persatuan Bantuan Masyarakat Sabah (BANTU)
57. Persatuan Didik Alam
58. Persatuan Ini Bumi Kita
59. Persatuan Kebajikan Pengguna Selangor
60. Persatuan Kesihatan Persekitaran dan Pekerjaan, PKPP (Environmental & Occupational Health Society, EOHS)
61. Persatuan Penasihat Pengguna-Pengguna Malaysia
62. Persatuan Pencinta Alam Malaysia (Malaysian Nature Society, MNS)
63. Persatuan Pencinta Alam Malaysia – cawangan Selangor (Malaysian Nature Society, MNS – Selangor Branch)
64. Persatuan Pencinta Alam Malaysia – cawangan Terengganu (Malaysian Nature Society, MNS – Terengganu Branch)
65. Persatuan Pendidikan dan Kebajikan Jaringan Nelayan Pantai Malaysia (JARING)
66. Persatuan Pengguna Air dan Tenaga Malaysia (Water and Energy Consumer Association of Malaysia, WECAM)
67. Persatuan Pengguna Luar Bandar dan Ekologi Malaysia (RURAL MALAYSIA)
68. Persatuan Pengguna-Pengguna Pulau Pinang (Consumers' Association of Penang, CAP)
69. Persatuan Perlindungan Alam Sekitar Malaysia (Environmental Protection Society Malaysia, EPSM)
70. Persatuan Sahabat Rimba Bukit Kiara (Friends of Bukit Kiara, FoBK)
71. Persatuan Tindakan Alam Sekitar Kuala Langat
72. Pertubuhan Alam Sekitar Sejahtera Malaysia (GRASS)
73. Pertubuhan Generasi Peduli Sampah Malaysia
74. Pertubuhan Lautan Mampan Malaysia (Sustainable Ocean Alliance (SOA) Malaysia)
75. Pertubuhan Perdana Nasional
76. Pertubuhan Persaudaraan Pesawah Malaysia

77. Pertubuhan Sisa Sifar Malaysia (Zero Waste Malaysia)
78. Pertubuhan Sisa Sifar Sabah (Zero Waste Sabah)
79. Pusat Komas
80. Pusat Membanteras Rasuah dan Kronisme (Center to Combat Corruption and Cronyism, C4 Center), Malaysia
81. Reef Check Malaysia
82. Refiller Mobile Enterprise
83. Sahabat Alam Malaysia (SAM)
84. Save our Seahorses (SOS) Malaysia
85. Saving Graze Sdn Bhd
86. Scuba Junkie SEAS
87. Shark Savers Malaysia
88. Society for Promotion of Human Rights (PROHAM)
89. Sustainability Solutions (SS)
90. The MareCet Research Organisation (MareCet)
91. Third World Network (TWN)
92. Tioman Marine Conservation Group
93. Trailblazer Hiking Club Malaysia
94. Treat Every Environment Special (TrEES)
95. Tropical Research and Conservation Centre (TRACC Borneo)
96. UCSI Group
97. Upcycled by FE
98. Warisan Alam Jenjarom (WAJAR)
99. Wild Bird Club of Malaysia (WBCM)
100. Youth United for Earth (YUFE)

** Penyokong setakat 14 Julai 2025, 12:00 tengah hari. Memorandum ini akan kekal dibuka untuk sokongan sehingga 3 Ogos 2025, sebelum INC5.2 bermula.*

=====